

▶ **44 TAHUN**

tempoh Myanmar menunggu untuk menjadi tuan rumah semula selepas 1969

▶ **34 SUKAN**

jumlah pada edisi kali ini

▶ **500 PENGAMAL MEDIA**

jumlah dihadkan penganjur buat media pada upacara penutup

Senthil sempat melepaskan tumbukan ke arah San Toe dari Myanmar, semalam.



# Puas tebus kecewa

» Senthil kejutkan pemenang gangsa dunia, Donny di final kumite individu; karate terus gah menang 4 emas, semalam

► **Nay Pyi Taw**

**K**ejayaan S Senthil Kumaran meraih pingat emas dalam acara kumite individu lelaki 60 kilogram (kg) harus paling bernilai berbanding tiga lagi emas yang dituai kem karate negara di Stadium Tertutup Wunna Theikdi, semalam.

Apa tidaknya, ia bukan saja emas sulung dirinya dalam dua penampilan di temasya serantau ini, tetapi lebih manis peserta berusia 21 tahun itu menumbangkan lawan lebih berpengalaman dan perkasa dari Indonesia, Donny Dharmawan.

Berdasarkan rekod, Donny yang berusia 29 tahun pernah beraksi lima kali di Sukan SEA selain juga juara bertahan acara itu.

Malah, dia pemenang gangsa Kejohanan Dunia 2006 dan Sukan Asia Guangzhou 2010.

**Guru lawan murid**

Walaupun saingan keduanya yang boleh diibaratkan pertembungan antara 'guru dan murid' itu berakhir dengan keputusan seri 0-0, tetapi juri memberikan kemenangan kepada Senthil kerana kurang mendapat penalti berbanding lawan.

"Saya pernah menentangnya sekali sebelum ini di Sukan Perpaduan Islam di Palembang Oktober lalu, tapi saya kalah 1-6. Jadi, kejayaan ini menebus kekecewaan itu. Saya anggap kejayaan ini paling bersejarah kerana menumbangkan lawan lebih perkasa.

"Sebelum masuk ke gelanggang, saya memang

yakin mampu menang kerana jurulatih sudah memberi panduan untuk menewaskannya," kata anak jati Dengkil, Selangor itu yang bergiat sepenuh masa dalam karate.

Satu lagi emas negara semalam dimenangi S Shree Sharmini dalam acara kumite wanita 68kg. Seperti Senthil, juri mengisytiharkan kemenangan buat atlet kelahiran Kulim, Kedah itu selepas terikat 2-2 dengan lawan dari Vietnam, Pham Thi Tien.

**Detik mendebarkan**

"Saya yakin menang emas selepas mengutip dua mata, tapi ketika hanya tinggal 20 saat sebelum pertarungan tamat, saya melakukan kesilapan yang membolehkan lawan menyamakan

kedudukan. Ia memang detik mendebarkan ketika menunggu keputusan juri," kata penuntut tahun pertama jurusan Komunikasi Massa di Universiti Putra Malaysia (UPM) berusia 22 tahun itu.

Dua lagi emas diraih menerusi A Nisha dalam kategori kumite individu wanita 55kg selepas menewaskan Mae Soriano 3-2 dan K Syakilla Saini Jefry dalam acara kumite individu wanita 61kg dengan menewaskan Le Thi Thuy 1-0.

Kem karate sudah mengumpul enam emas keseluruhan sekali gus mencapai sasaran yang ditetapkan tatkala ada dua lagi emas dipertandingkan hari ini dalam acara kumite lelaki dan wanita berpasukan.



**Wajah ceria Praveen** selepas menang emas acara dressage individu, semalam.



**Sharmini (kiri) mengasak** Joanna Mae Ylanan dari Filipina pada aksi semalam.



**Senthil menjerit tanda kepuasan** menang emas kumite individu, semalam.